

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memperkenalkan semula cukai GST dan jadual masa yang sedang dirancang untuk mengatasi masalah defisit kewangan negara yang semakin meruncing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih mengkaji kesesuaian melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (atau GST) dan model-model cukai kepenggunaan yang lain dengan mengambil kira semua aspek. Ini termasuklah kelemahan sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada serta kelemahan sistem GST yang dilaksanakan pada tahun 2015.

Kajian ini akan meliputi kesan ke atas ekonomi, kos sara hidup, kesan cukai ke atas harga barang serta keupayaan menangani kegiatan ekonomi gelap. Cukai baharu tersebut jika dilaksanakan juga perlu bersifat mudah ditadbir dan tidak meningkatkan kos perniagaan di samping dapat mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ekonomi negara sedang dalam fasa pemulihan. Kerajaan memahami bahawa pengenalan sebarang bentuk cukai baharu dalam keadaan ekonomi sedemikian bukan sahaja akan membebankan rakyat, malah berisiko untuk merencatkan momentum pemulihan ekonomi yang sedang berlangsung. Untuk itu, pelaksanaan sebarang bentuk cukai kepenggunaan perlu mengambil kira senario semasa. Di samping itu, ia juga memberi ruang bagi persiapan dan persediaan yang rapi di kedua-dua pihak Kerajaan dan pembayar cukai. Bagi mengurangkan tekanan ke atas defisit kewangan negara, pelbagai langkah alternatif sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kutipan hasil berdasarkan pengenaan cukai sedia ada, dan dalam masa yang sama berusaha mengurangkan ketirisan hasil Kerajaan.